

Cabutan Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat KKMM Bilangan 3 Tahun 2015 – Isu Isu Baharu Daripada MBJ Kementerian

Tarikh Mesyuarat : 28 September 2015

Bil.	Usul / Cadangan	Maklumbalas
6.1.1	<p>Penggunaan Petak Parkir Aras B3 dan B4</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan terdapat pegawai yang meletakkan kenderaan terlalu lama dan berdasarkan semakan didapati pemiliknya kini bukan lagi kakitangan KKMM.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju agar BKP mengambil tindakan menarik kenderaan tersebut.</p>
6.1.2	<p>Penyediaan Perkhidmatan ATM/CDM</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan terdapat keperluan untuk menambah perkhidmatan Cash Deposit Machine (CDM) di lobi KKMM.</p>	<p>BKP memaklumkan bahawa permohonan telah dikemukakan kepada bank-bank di sekitar Putrajaya namun kesemua permohonan tersebut telah ditolak.</p>
6.1.3	<p>Permohonan Pengisian Jawatan di Bahagian Teknologi Komunikasi</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 di Bahagian Teknologi Komunikasi</p>	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM telah mengemukakan permohonan ke JPA namun masih belum mendapat keputusan</p>
6.1.4	<p>Permohonan Pengisian Jawatan Cawangan Pengesan Siaran, Bahagian Komunikasi Strategik</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan terdapat kekosongan jawatan Ketua Penolong Setiausaha, Gred 48 dan tiga (3) jawatan Penerbit Rancangan B17/B22 di Cawangan Pengesan Siaran, Bahagian Komunikasi Strategik.</p>	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM RTM telah mengemukakan kertas pertimbangan kenaikan pangkat ke Gred 48 ke JPA namun masih belum mendapat keputusan. BPSM KKMM meminta agar senarai perjawatan tersebut dikemukakan ke BPSM untuk penyelarasan dan tindakan selanjutnya.</p>

6.1.5	Program Hubungan Harmoni Warga KKMM Ahli MBJ KKMM mencadangkan agar program-program yang membentuk hubungan harmoni di kalangan warga KKMM diadakan.	Mesyuarat dimaklumkan bahawa KKMM akan mengadakan Hari Keluarga sempena Hari Sukan Negara yang dijadualkan pada 10 Oktober 2015. Pelbagai aktiviti menarik akan disediakan oleh Kelab KKMM dan semua warga beserta keluarga adalah dijemput hadir.
6.1.6	Kafetaria di Kompleks KKMM Mesyuarat dimaklumkan bahawa harga makanan di kafetaria KKMM mahal dan makanan yang disediakan tidak berkualiti.	Pihak Pengurusan KKMM memutuskan untuk memberi peluang kepada pengusaha cafeteria meneruskan operasi dengan pemantauan berterusan oleh BKP.